

26/02/1997

Ekran majukan Kuala Kedah jadi bandar pelancongan

EKRAN Berhad (Ekran), pemegang saham terbesar dalam projek nasional hidro elektrik Bakun mendapat kontrak bernilai RM8 billion daripada kerajaan Kedah untuk membangun dan menukar wajah Kuala Kedah menjadi bandar raya pelancongan.

Pengerusi Eksekutif Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing, berkata projek raksasa itu yang akan mengambil masa 10 tahun untuk siap, sudah mendapat kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid.

Menurutnya, memorandum persefahaman (MOU) bagi menjalankan projek raksasa itu yang membabitkan kerajaan Kedah dan Ekran, dijangka ditandatangani tidak lama lagi.

"Persetujuan memberi kontrak itu kepada Ekran adalah bukti kerajaan berpuas hati dengan kebolehan syarikat ini membina projek besar seperti pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang kini hampir siap sepenuhnya," katanya.

Ting berkata, projek di Kuala Kedah itu akan meliputi kawasan seluas 3,000 hektar membabitkan pembinaan beberapa bangunan tinggi, kawasan kediaman dan pelbagai kemudahan awam.

Beliau berkeyakinan apabila projek itu siap, Kuala Kedah akan menjadi pintu masuk dan persinggahan utama ke Pulau Langkawi sekaligus menjadi pusat terbaru daya tarikan pelancongan di Kedah.

Ting memberi jaminan nelayan yang akan terbabit dengan projek itu tidak akan terbiar dan sebaliknya ditempatkan di satu kawasan kediaman lebih selesa yang dibina oleh Ekran.

Beliau turut menjanjikan projek raksasa itu akan membabitkan pemusnahan hidupan laut paling minimum yang selaras dengan piawaian Kesan Penilaian Alam Sekitar.

Sementara itu, dalam perkara berkaitan, Ting turut mengumumkan syarikatnya turut diberi kontrak untuk membina ruang tambahan Pusat Pameran Mahsuri di Pulau Langkawi untuk digunakan Ekspo LIMA 97'.

Kos projek itu akan membabitkan perbelajaan sebanyak RM25 juta sekaligus menjadikan pusat pameran itu yang terbesar di Asia Tenggara.

(END)